



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 06/2024



MENGIMARAHKAN MASJID

28 Jun 2024 | 21 Zulhijjah 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْحَمْدُ لِلَّهِ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلَ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهَ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Masjid merupakan Rumah Allah paling istimewa yang berada di muka bumi ini sebagai tempat ibadah bagi mendekatkan diri kepada Allah Ta'ala. Dalam peristiwa hijrah Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam ke Madinah, Baginda mengasaskan Masjid Quba' dan mendirikan solat berjemaah bersama



para Sahabatnya. Itulah masjid pertama sekali yang diasaskan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di atas dasar takwa. Firman Allah Ta'ala dalam surah al- Taubah ayat 108:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 لَمْ سِجِّدْ أَسِسَ عَلَىٰ التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ حَقٌّ أَنْ تَقْوَمَ فِيهِ رِجَالٌ يُحْبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ
 ۚ

Yang bermaksud: "Sesungguhnya masjid (*Quba'* yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan atas dasar takwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya kamu bersolat padanya. Di dalam masjid itu ada orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan dirinya). Dan Allah mengasihi orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin). "

Dalam ayat sebelum itu, Allah Ta'ala juga memberi amaran kepada mereka yang membina masjid bukan bertujuan untuk perpaduan ummah sebaliknya menggalakkan perpecahan sebagaimana firman-Nya dalam surah at-Taubah ayat 107:

وَالَّذِينَ اخْتَنَذُوا مَسَجِدًا ضَرَارًا وَكُفْرًا وَتَفْرِيقًا بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ

Yang bermaksud: "Dan ada (antara orang munafik itu juga) yang mendirikan masjid dengan tujuan untuk membahayakan (keselamatan orang Islam) dan (mengukuhkan) keingkaran (mereka sendiri) serta memecahbelahkan perpaduan orang yang beriman. "



Imam Ibnu Kathir menjelaskan bahawa masjid ini dibina untuk memudharatkan Masjid Quba' dan memecahbelahkan kaum muslimin dan Allah Ta'ala menyandarkan perbuatan mereka tersebut sebagai pendusta.

Apabila Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sampai di Madinah, Baginda mengasaskan pula Masjid Madinah. Masjid ini bukan sahaja dijadikan sebagai tempat solat berjemaah, malah Baginda menjadikannya sebagai pusat perancangan pentadbiran negara, mahkamah, pusat pengajian ilmu dan lain-lain lagi.

Sidang Jumaat yang dikasihi

Melalui masjid, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah berjaya mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar, yang mana Ansar terdiri daripada kabilah Aus dan kabilah Khazraj. Peristiwa besar ini menjadi bukti bahawa masjid adalah tempat menyatupadukan hati umat Islam yang bermusuh dan bersengketa. Firman Allah Ta'ala dalam surah al-Hujurat ayat 10 yang bermaksud:

“Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu. Dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”

Imarah masjid bermaksud membina, membangun, menghidup, memakmur, memelihara, membersih, mendirikan solat, beriktikaf dan sebagainya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam al-Tirmizi:



مَنْ بَنَى لِلَّهِ مَسْجِدًا صَغِيرًا كَانَ أَوْ كَبِيرًا بَنَى اللَّهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ

Yang bermaksud: "Sesiapa yang membina masjid, tidak kira kecil atau besar, Allah akan membina baginya rumah di Syurga. "

Masjid yang telah dibina tersergam indah, tidak akan memberi faedah sekiranya tidak diimarahkan dengan kehadiran para jemaah yang ramai pada setiap masa, khususnya solat lima waktu secara berjemaah.

Selain daripada tabung masjid, boleh juga diwujudkan tabung-tabung untuk aktiviti kemasyarakatan bagi membolehkan ia digunakan untuk pembangunan kemasyarakatan seperti menghulurkan bantuan persekolahan dan bantuan kecemasan kepada golongan yang memerlukan serta buatlah pelbagai aktiviti yang bersesuaian untuk semua peringkat usia, kanak-kanak, remaja dan orang dewasa. Bagi kanak-kanak, hendaklah disediakan tempat bermain yang menyeronokkan, bertujuan mentarbiah mereka sejak kecil cinta kepada masjid.

Bagi golongan remaja dan dewasa, hendaklah disediakan aktiviti yang boleh menarik minat mereka untuk mendekati masjid dalam pelbagai bentuk sama ada berbentuk ilmiah mahupun santai. Program ilmiah yang bersesuaian seperti pengajian ilmu fardu Ain, membaca al-Quran, ilmu hadis, dan ilmu kemahiran seperti komputer dan lain-lain. Program-program santai seperti sukan Islam, seni bela diri, motivasi, kursus perkahwinan, kursus keibubapaan dan lain-lain untuk membina keperibadian mereka.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta’ala

Peranan mengimarahkan masjid bukan hanya terletak di bahu pihak pengurusan, pegawai dan jawatankuasa masjid sahaja, malah para jemaah, masyarakat sekitar hendaklah sama-sama bertanggungjawab dan memberikan kerjasama sepenuhnya dalam membangun, menjaga kesucian, kebersihan dan keceriaan masjid sebagai tempat ibadah umat Islam dan Rumah Allah di muka bumi ini. Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang turut menghadiri solat berjemaah khususnya dalam program Subuh seperti Jumaat di sekitar negeri Pahang.

Oleh itu, marilah kita menyahut seruan mengimarahkan masjid lebih-lebih lagi datang solat berjemaah pada waktu subuh seperti kehadiran solat Jumaat dan solat hari raya. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayat oleh imam al-Tirmizi:

إِذَا رَأَيْتُمُ الرَّجُلَ يَعْتَادُ الْمَسَاجِدَ فَاقْتَهَدُوا لَهُ بِالإِيمَانِ

Yang bermaksud: “Apabila kamu melihat seseorang yang sentiasa pergi ke masjid, maka saksikanlah keimanan untuknya.”

Kesimpulannya, masjid adalah lambang perpaduan umat Islam dengan cara memakmurkan masjid dalam kehidupan kita seharian. Pihak pentadbir masjid juga perlulah merancang dan menganjurkan program-program yang menarik perhatian masyarakat setempat untuk mengimarahkan masjid. Kita sebagai masyarakat umum hendaklah bersungguh-sungguh mengimarahkan masjid dan pengimaran tersebut menjadi sebahagian kehidupan kita.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكُوَةَ وَمَمْنَعَ الْمُنْكَرَ وَلَا يَرْجِعُ أَمْلَاكَ أَهْلِهِ إِلَّا لِلَّهِ فَعَسَى أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ يَخْشَى إِلَّا اللَّهُ فَعَسَى أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالدِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.